

43 nelayan Vietnam bersama empat bot ditahan ceroboh perairan negara

UM 25/09/23 ml 34

PASIR PUTEH: Seorang remaja 16 tahun antara 43 nelayan asing Vietnam ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan selepas menceroboh perairan negara 277.8 kilometer (km) dari Kuala Tok Bali, di sini.

Kesemua nelayan asing berusia 16 hingga 61 tahun itu ditahan bersama empat bot menerusi operasi bermula 8 pagi hingga 2.50 petang.

Timbalan Pengarah Operasi APMM Kelantan, Komander Maritim Khairun Dalilah Baharin berkata, sebanyak 6,000 kilogram (kg) ikan pelbagai jenis dirampas dalam operasi itu.

Katanya, semasa ditahan kesemua bot nelayan asing itu tidak memberi kerjasama sebaliknya cuba melarikan diri dengan memecut meninggalkan sempadan perairan sebaik sahaja anggota Maritim Malaysia memberi arahan untuk pemeriksaan.

“Bagaimanapun, semuanya dapat dipintas. Kita berjaya me-



KHAIRUN Dalilah Baharin (tengah) membuat pemeriksaan penahanan nelayan asing Vietnam di Pejabat Maritim Malaysia di Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

nahan bot pertama pada pukul 8.18 pagi bersama lima nelayan Vietnam termasuk seorang tekong.

“Pada pukul 9.01 pagi, Maritim Kelantan sekali lagi menahan sebuah bot yang dinaiki oleh 17 nelayan Vietnam terma-

suk tekong. Semasa mengiringi kedua-dua bot-bot tersebut balik ke pangkalan operasi, kita melihat dua buah lagi bot nelayan asing yang dalam keadaan mencurigakan,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Maritim Kelantan di Tok Bali, di sini, semalam.

Khairun Dalilah berkata, kedua-dua bot itu kemudian ditahan pada pukul 2.32 dan 2.50 petang.

Katanya, penahan kedua-dua bot itu membawa kepada tangkapan 20 nelayan termasuk tekong.

“Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati kesemua 43 nelayan asing Vietnam itu tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

“Selain ikan dan bot, kita merampas peralatan menangkap ikan, alat navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel sebanyak 7,000 liter yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM3.86 juta,” ujarnya.